



AmFIRST

Real Estate Investment Trust

AmFIRST REAL ESTATE INVESTMENT TRUST

[Ditubuhkan di Malaysia di bawah Surat Ikatan bertarikh 28 September 2006 (Surat Ikatan Asal) (sebagaimana dipinda melalui Surat Ikatan Ditambah, Disemak dan Dinyatakan Semula bertarikh 15 Disember 2006 (Surat Ikatan Pertama), Surat Ikatan Kedua bertarikh 13 September 2013 (Surat Ikatan Kedua) dan Surat Ikatan Ketiga bertarikh 12 June 2020 (Surat Ikatan Ketiga)) ditandatangani di antara AmREIT Managers Sdn Bhd dan Maybank Trustees Berhad, syarikat-syarikat diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965]

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KEDUABELAS

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERI BAHAWA **Mesyuarat Agung Tahunan yang Keduabelas (MAT Keduabelas)** bagi **Pemegang-Pemegang Unit AmFIRST Real Estate Investment Trust (AmFIRST REIT)** akan dikendalikan secara maya menerusi penstriman langsung bagi mempertimbangkan dan jika bersesuaian, akan diluluskan dengan atau tanpa mengubahsuai resolusi-resolusi yang dinyatakan di dalam notis ini.

Tempat Mesyuarat : <https://investor.boardroomlimited.com>
Hari dan Tarikh : Jumaat, 23 Ogos 2024
Masa : 10:00 pagi
Tempat Penyiaran : 12th Floor Menara Symphony
No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim
Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

AGENDA

URUSAN BIASA

1. Untuk menerima **Penyata Kewangan Diaudit** bagi tahun kewangan berakhir **31 Mac 2024** AmFIRST REIT bersama dengan **Laporan Pemegang Amanah dan Juruaudit**.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah
AmREIT Managers Sdn Bhd
No. Pendaftaran 200601011214 (730964-X)
Pengurus bagi AmFIRST Real Estate Investment Trust

Chan Sau Leng (MAICSA 7012211) (SSM PC No.: 202008002709)
Ruzeti Emar Binti Mohd Rosli (LS0010372) (SSM PC No.: 202008000974)
Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur
28 June 2024

NOTA PENERANGAN:

Penyata Kewangan Diaudit

Agenda ini adalah bertujuan untuk perbincangan sahaja dan tidak memerlukan persetujuan yang rasmi daripada pemegang-pemegang Unit. Oleh yang demikian, ianya tidak akan dikemukakan bagi undian.